


# Menghayati perjuangan kemerdekaan

BH-15/8/2007

## Iktibar sejarah penjajahan mampu tingkat semangat patriotisme generasi muda



E-mel: radzilatif@yahoo.com

**K**EMERDEKAAN negara perlu disambut dengan pengertian tersurat dan tersirat, bukan sekadar mengibarkan bendera dan mengambil bahagian dalam perarakan, apatah lagi sebagai penonton. Ia mesti disambut dengan rasa kesedaran dan keinsafan di samping menguatkan azam supaya era kegelapan seperti ditempuhi pada zaman penjajah, tidak berulang. Tidak ada cara lebih sesuai untuk menghayati erti kemerdekaan, melainkan memahami dan menghayati sejarah.

Realitinya, tidak ada manusia dapat menempuh sejarah yang bukan zamannya kecuali dengan membaca dokumentasi sejarah. Generasi terdahulu bertanggungjawab mewariskan generasi selepasnya, begitu jugalah generasi hari ini yang akan mewariskan kepada generasi akan datang mengenai sejarah yang dicipta hari ini.

Jika tiada usaha dilakukan untuk membebaskan negara daripada penjajah oleh generasi terdahulu, mungkin negara ini masih dijajah. Dalam konteks hari ini pula jika generasi hari ini leka dengan kemudahan yang disediakan dan tidak mementingkan pelajaran, mereka mungkin mewariskan generasi akan datang dengan kemunduran. Kemunduran dan kemiskinan menyebabkan negara lebih mudah dijajah.

Dalam menyingkap kronologi sejarah negara di bawah zaman penjajah, ramai yang bercerita dari bibir ke bibir atau menerusi pembacaan mengenai keperitan hidup pada zaman pemerintahan Jepun. Pendudukan Jepun adalah susur galur penting dalam sejarah negara yang bermula daripada zaman kesultanan Melaka. Sejarah penjajahan negara ini oleh kuasa asing pula bermula dengan penjajah Portugis pada 1511, diikuti Belanda pada 1641 dan British pada 1786, apabila Inggeris mula menduduki Pulau Pinang. Begitulah bagaimana orang luar melihat potensi dan kekayaan negara ini. Tidak dengan cara baik, mereka menakluki negara ini.

Pada zaman pendudukan Jepun, ada yang menceritakan mereka terpaksa makan ubi kayu, makan nasi berkuah air garam, hidup diburu ke sana ke mari dan lari bersembunyi dalam hutan belantara. Jika ber-

niaga, barang perniagaan dirampas.

Ada juga cerita yang didengar bahawa wanita tidak dibenar berjalan bersendirian, takut terserempak tentera Jepun dan diperlakukan sewenang-wenangnya untuk memuaskan hawa nafsu. Tentera Jepun dikaitkan juga dengan tindakan memenggal kepala mereka yang cuba menentang. Jepun menduduki Tanah Melayu pada 15 Februari 1942 selepas orang Melayu terpaksa akur bertuanikan residen Inggeris.

Selama kira-kira tiga setengah tahun pendudukan Jepun, iaitu sehingga 12 September 1945, datuk serta nenek moyang kita menempuh hidup yang tidak pernah dirasakan oleh generasi selepas mereka, hinggalah ke hari ini. Ada yang menjadi tentera Jepun, buruh upahan, bekerja membuat landasan kereta api, menjadi orang suruhan tentera Jepun, tali barut Jepun dan sebagainya. Secebis gambaran yang dapat kita bayangkan pada zaman itu ialah dengan menonton filem *Sarjan Hassan* arahan Allahyarham Tan Sri P Ramlee.

Disebabkan filem itu dibuat dengan mengambil kira waktu zaman penjajahan Jepun, pastinya set penggambaran filem itu juga dibuat berdasarkan senario dan set pemerintahan Jepun. Dalam filem, Jepun digambarkan sebagai jahat, zalim dan tidak berperikemanusiaan berbeza dengan sikap British yang digambarkan sebagai membela dan membantu rakyat tempatan untuk menggempur tentera Jepun.

Perlu diingat, ketika pendudukan Jepun, British sudah bertapak kukuh dan berjaya menawan hati rakyat. Dalam bidang pelajaran, British membina Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada 1905 dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) di Tanjung Malim pada 1922. Kedua-dua institusi pendidikan ini memberikan pendidikan berkualiti kepada anak Melayu.

Inggeris tahu dengan memberi pendidikan kepada orang Melayu, dapat membuka minda mereka dan memudahkan mereka menawan hati rakyat pada masa itu. Selama 14 tahun, ketika SITC dipimpin oleh Pengetuanya, O T Dussek, maktab itu menjadi satu pusat perkembangan semangat kebangsaan Melayu. British menyedari keadaan ini kerana pada waktu itu mereka sudah mengenal sikap dan perangai, kekuatan dan kelemahan orang Melayu.

Bagi menangani Jepun di Tanah Melayu, British mempunyai propaganda supaya rakyat membenci Jepun. Dengan memberi pendidikan kepada rakyat, Inggeris berpendapat kehadiran mereka akan diterima,

manakala kekejaman Jepun akan ditolak.

Akibatnya, Jepun tidak dapat bertahan lama di Tanah Melayu. Tentera Jepun menyerah kalah selepas negaranya diserang menggunakan bom atom oleh Amerika Syarikat. Peristiwa Hiroshima dan Nagasaki, melumpuhkan Jepun menyebabkan mereka terpaksa keluar daripada Tanah Melayu. Malangnya, ketika Perang Dunia Kedua berakhir pada 1945 dan Jepun mengaku kalah, orang Melayu belum sempat menyusun langkah mentadbir negara ini.

Kesempatan itu diambil tentera Bintang Tiga atau Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) yang cuba merampas Tanah Melayu. MPAJA yang ditubuhkan Parti Komunis Malaya pada 1930 sebahagian besarnya dianggotai orang Cina

Ancaman Tentera Bintang Tiga dapat diimbangi Tentera Force 136 yang dianggotai orang Melayu. Berikutan ancaman Komunis ini, rakyat sekali lagi hidup dalam ketakutan. Keselamatan diri tidak terjamin dan sering berlaku pertempuran yang menyebabkan rakyat terpaksa berjaga-jaga. Disebabkan komunis bertindak menggunakan kekerasan dan senjata, rakyat terus hidup tertekan. Atas dasar inilah, komunis tidak dapat diterima di negara ini.

Inggeris kembali berkuasa pada September 1945. Sebulan sebelum itu, Sir Harold MacMichael dihantar ke Tanah Melayu untuk menubuhkan Malayan Union. MacMichael berjaya mendapatkan persetujuan serta tandatangan Raja-Raja Melayu bagi penubuhan Malayan Union.

Pada Oktober 1945, MacMichael berjaya memujuk dan mengugut Sultan supaya menyerahkan kuasa politik kepada British dengan menggubal taraf negeri Melayu daripada negeri yang bernaung (protectorate) kepada tanah jajahan British atau British Colony selain menggubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu, Menyelaraskan pentadbiran Tanah Melayu dan 'menyatukan' negeri Selat, negeri Melayu Bersekutu dan negeri Melayu tidak bersekutu.

Malayan Union ditubuhkan secara rasminya pada 1 April 1946. Penubuhan Malayan Union bertujuan menyisih orang Melayu. Sebagai bantahan, orang Melayu menganjurkan Kongres Melayu yang dipimpin Dato' Onn Jaafar, di Kuala Lumpur. Tujuan utama kongres itu adalah menentang penubuhan Malayan Union, diikuti perhimpunan anti-Malayan Union yang terbesar di Kuala Kangsar sempena lawatan dua Ahli Parlimen British, Kapt Gammons dan Lt Kol Rees Williams.

Bantahan terus berlaku dari satu hari ke satu hari dan dari satu majlis ke majlis yang lain. Ketika pelantikan Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent, majlis itu dipulau Raja-Raja dan Pembesar Melayu atas permintaan rakyat Melayu yang diketuai oleh Datuk Onn Jaafar. Pada 1 April 1946, beliau mengingatkan Raja-Raja Melayu dengan amaran berbunyi:

"Sekiranya Tuanku turut menghadiri upacara melantik Gabenor Malayan Union itu, rakyat Tuanku sekalian tidak akan mengakui Tuanku sekalian sebagai raja lagi. Rakyat Melayu menganggap bahawa menghadiri majlis melantik Gabenor Malayan Union itu samalah seperti turut serta mengusung jenazah bangsa Melayu sendiri".

Gagasan Malayan Union yang memusuhi Melayu ini menyedarkan terhadap nasib dan masa depan orang Melayu. Sebagai iktibar, peristiwa itu membantu menyatukan mereka buat kali pertamanya sejak kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka.

Akibat diperkotak-katikkan inilah, timbul usaha rakyat menentang Malayan Union menerusi Umno atau Pekembar, lengkapnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Pertubuhan yang bermatlamat memperjuangkan nasib Melayu itu ditubuhkan pada 1946. Peristiwa itu membantu menyatukan mereka buat kali pertama sejak kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka.

Pada 11 Mei 1946, dengan rasminya Umno ditubuhkan di Johor untuk memperjuangkan kepentingan Melayu. Akibat penentangan yang begitu kuat daripada orang Melayu, Umno dan Raja-Raja Melayu, kewujudan Malayan Union hanya bertahan tiga bulan (dari 1 April 1946 - 1 Julai 1946).

Cahaya kemerdekaan semakin menyinar apabila Inggeris bersetuju mewujudkan sebuah jawatankuasa kerja pada November 1946 untuk merundingkan dan menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Itulah harapan rakyat Tanah Melayu yang mewakili semua kaum meskipun sepanjang zaman pemerintahan mereka terbabit dalam kancah percaturan penjajah.

Pengalaman memperjuangkan kemerdekaan bukan semudah yang difikirkan. Apatah lagi ancaman dan cabaran mendatang yang terpaksa dihadapi raja, pemimpin Melayu dan rakyat berbilang kaum yang menjadi saksi kepada pelbagai urutan peristiwa menjelang kemerdekaan pada 1957.

**Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)**